



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **24 Aug2021 (Tuesday)**

Berita Harian

'Usah lupa tanggungjawab utama' 1

Utusan Malaysia

Jangan terlalu banyak berpolitik 2

Yuran tertunggak RM8 juta 3

Harian Metro

Sultan Selangor kesal, kecewa 4

Titah Sultan Selangor kepada SPRM 5

Kosmo

Dukacita lihat pertelagahan politik 6

Sinar Harian

Faizal, Hamzah, Azmin atau Mohd Redzuan calon TPM? 7

Sultan mahu Selangor bebas rasuah 8

Nasihat tiga Sultan 9

Selangor masih jadi pilihan pelabur 10

Bernamea News Channel

Pelan Dan Perancangan Tangani Pandemik Akan Dibahas 11

Bernamea Radio 24

Plan Dan Perancangan Menangani Covid-19 12

The Star

Low turnout expected among PJ night market traders 13

New Cabinet expected this week 14

COUNCIL MATTERS 15

COVID-19 ENQUIRIES 16

ROAD CLOSURE 17

TRANSPORTATION REBATE 18

'Charge corrupt politicians' 19

New Straits Times

SULTAN: STOP POLITICKING, HELP RAKYAT 20

Bernamea News Channel

Selangor Sultan Urges MACC To Investigate Graft Cases Thoroughly 21

Selangor Sultan Urges MACC To Investigate Graft Cases Thoroughly 22

The Malaysian Reserve

Sultan Selangor : Stop excessive politicking , focus on pandemic 23

Traxx FM (90.3)

Several Plan To Tackle Covid-19 Pandemic Will Be Debate In Selangor State Assembly 24

China Press

"Failure to comply with the SOP has led to an increase in Covid-19 cases"; Sultan feels sad 25



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



for the loss of a loved one by the people

Sin Chew Daily

Chicken leftovers after prayers; Taman Juara Jaya residents criticises environment pollution	26
Driver rescued after car fell into river	27
Sultan : Implement green initiative and its development policies; Selangors protected reserves must be over 30%	28

Nanyang Siang Pau

People who attend the Selangor meeting will gain test kit, self testing during the meeting period	29
---	----

Guang Ming Daily

Selangor Sultan: Selangor is still the choice of investors, it attracted RM12 billion last year, and have the highest investment amount among other states	30
Sultan Selangor: Members need to know the suffering of the people, don't just focus on power struggles in the present disaster	31

Makkal Osai

Stop jostling for power politicking Selangor Sultan tells states assemblymen	32
--	----

Malaysia Nanban

Stop excessive politicking, focus on pandemic	33
---	----

Tamil Malar

Stop jostling for power, politicking, Selangor Sultan tells states assemblymen	34
--	----

Bernama News Channel

Selangor Sultan Urges MACC To Investigate Graft Cases Thoroughly	35
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Usah lupa tanggungjawab utama'
Muka Surat	:	20

Persidangan DUN Selangor Ke-14

'Usah lupa tanggungjawab utama'

Sultan Selangor bertitah mengingatkan wakil rakyat di Selangor supaya tidak terlalu berpolitik, berebut kuasa sehingga lupa tanggungjawab bela nasib rakyat

Nasional 20



Sultan Selangor ingatkan tidak terlalu berpolitik sehingga rakyat terabai

Oleh Norzaima Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) negeri ini agar tidak terlalu banyak berpolitik, berebut kuasa dan kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama membela nasib rakyat.

Baginda juga berdukacita serta kesusah hati melihat pergolakan, pertelingkahan dan ketidaktentuan politik negara yang begitu ketara sejak kebelakangan ini.

"Nampaknya ahli Yang Berhormat tidak mahu belajar daripada sejarah kejatuhan sesebuah negara akibat perebutan kuasa

yang mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat. Tidakkah ahli Yang Berhormat sedar apabila pemimpin politik berebut kuasa dan keadaan politik menjadi tidak stabil, maka rakyat terpaksa menanggung kesesahannya.

"Ahli Yang Berhormat sudah pastinya tahu rakyat sekarang berada dalam keadaan susah dan menderita dalam suasana negara dan dunia sedang berhadapan wabak COVID-19 ini," titah baginda pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-14, semalam.

Sultan Selangor bertitah, wakil rakyat sepatutnya mengambil tahu masalah dihadapi rakyat di kawasan masing-masing dan mengenal pasti apakah bantuan perlu disalurkan kepada rakyat terjejas akibat wabak COVID-19.

"Titah baginda, wakil rakyat juga sepatutnya menyenak jumlah rakyat yang hilang pekerjaan dan mencari jalan membantu golongan itu, termasuk mereka yang kehilangan ibu bapa atau tempat bergantung agar perkara itu boleh dibawa ke pengetahuan kerajaan negeri untuk ditentu-



Sultan Sharafuddin pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat DUN Selangor Ke-14, semalam. (FOTO: BERHARJAN)

kan bantuan boleh diberikan.

"Beta mengingatkan ahli Yang Berhormat, rakyat di bawah sana memerlukan anda untuk membantu kesesahannya yang mereka alami. Bantulah mereka, cari mereka, bukan sekadar mencari mereka untuk dapatkan undi ketika pilihan raya semata-mata.

"Ingatlah, mandat yang diberikan rakyat kepada ahli Yang Berhormat semua adalah amanah Allah SWT yang diletakkan ke atas bahu ahli Yang Berhormat semua yang perlu dilaksanakan

dengan jujur, bertanggungjawab dan penuh keikhlasan," titah baginda.

Sultan Selangor turut menaibkan rasa kesusahannya beberapa penjawat awam berjawatan tinggi di negeri ini ditahan Suruhanjaya Penguatkuasaan Keselamatan Malaysia (SPRM), malah baginda turut menerima laporan mengenai siasatan SPRM terhadap pemimpin politik berkaitan amalan rasuah dan salah guna kuasa.

"Beta kosal kerana masih ada yang tidak jujur dalam melak-

sanakan amanah, walaupun sering kali beta ingatkan untuk tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah yang boleh merosakkan bangsa dan negara.

"Beta mengingatkan sekali lagi bahawa beta tidak mahu mendengar laporan penglibatan pegawai kerajaan dan pemimpin politik negeri beta dalam amalan rasuah ini. Beta menantikan SPRM menjalankan siasatan menyeluruh bagi membersihkan Selangor daripada amalan rasuah," titah baginda.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jangan terlalu banyak berpolitik
Muka Surat	:	6

Sultan Selangor ingatkan ADUN tanggungjawab utama bela nasib rakyat

Jangan terlalu banyak berpolitik

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
 utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) negeri itu supaya tidak terlalu banyak berpolitik serta merebut kuasa dan kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama membela nasib rakyat.

Baginda tidak dapat menyembunyikan rasa dukacita dan kesal apabila melihat pergolakan, pertelagahan dan ketidaktentuan politik negara pada masa ini.

"Nampaknya ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu belajar dari sejarah tentang kejatuhan sesebuah negara akibat perebutan kuasa yang mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat.

"Tidaklah ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa apabila pemimpin-pemimpin politik

“Beta sedih melihat kesusahan rakyat beta yang kematian ahli keluarga dan anak-anak yang kehilangan ibu bapa tempat bergantung.”

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH



berebut kuasa dan keadaan politik menjadi tidak stabil, maka, rakyat yang terpaksa menanggung kesusahannya," titahnya.

Baginda bertitah demikian pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke-14 semalam.

Titah Sultan Sharafuddin, pemimpin-pemimpin politik perlu turun padang membantu rakyat yang berada di dalam kesusahan dan menderita di saat negara dan dunia berhadapan dengan gejala wabak Covid-19.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin turut mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) supaya tidak terlibat dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Ini susulan terdapat banyak pesalah rasuah terutama melibatkan penjawat awam dihadapakan ke mahkamah baru-baru ini.

"Beta kesal kerana masih ada yang tidak jujur di dalam melaksanakan amanah yang diletakkan kepada mereka sebagai penjawat awam dan pemimpin politik.

"Walaupun telah seringkali beta ingatkan untuk tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah yang boleh merosakkan bangsa dan negara," titahnya.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita melihat Selangor merekodkan jumlah pesakit dan kematian akibat Covid-19 paling tinggi di Malaysia walaupun negeri itu juga merekodkan kadar vaksinasi tertinggi.

"Beta sedih melihat kesusahan rakyat beta yang kematian ahli keluarga dan anak-anak yang kehilangan ibu bapa tempat bergantung. Apatah lagi pada saat ekonomi rakyat juga berada di dalam keadaan yang amat tenat," titah baginda.

Pada hemat baginda, peningkatan itu berlaku disebabkan kelalaian rakyat terhadap pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dan kekurangan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Yuran tertunggak RM8 juta
Muka Surat	:	8

Pusat tahfiz tak mampu bayar gaji guru »8



Pusat tahfiz tiada wang bayar gaji 8,000 guru

Yuran tertunggak RM8 juta

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
 utusannews@mediamulla.com.my

KLANG: Pengurusan pusat tahfiz di Selangor mendakwa menghadapi kekangan untuk membayar gaji kira-kira 8,000 tenaga pengajar berikutan terdapat tunggakan yuran bulanan yang belum dijelaskan ibu bapa.

Pengerusi Persatuan Institut Tahfiz Al-Quran Selangor (PITAS), Muhammad Hafiz Mohd. Haneefa berkata, pusat-pusat tahfiz di negeri itu berdepan tunggakan yuran berjumlah sehingga RM8 juta.

Menurutnya, walaupun diberikan pemotongan sehingga 60 peratus, ramai ibu bapa masih tidak mampu membayar yuran anak-anak mereka disebabkan mereka turut terkesan akibat pandemik Covid-19.

"Ada yang kata halalkan sahaja tetapi masalahnya ialah yuran RM300 hingga RM600 itu sudah diberi potongan 40 hingga 60 peratus.



Saya berharap ada bantuan dari Kerajaan Pusat untuk membantu guru tahfiz yang bergaji RM900 hingga RM1,200 sahaja."

MUHAMMAD HAFIZ

"Inilah punca mengapa gaji guru tahfiz tidak dibayar. Justeru mewakili pihak PITAS dan 1,135 pusat tahfiz memohon Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan kerajaan baharu membantu kami," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, *Mingguan Malay-*



sia melaporkan kira-kira 10,000 atau 50 peratus pelajar pusat tahfiz di seluruh negara tercicir dalam pengajian mereka ekoran pelaksanaan tiga siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun lalu.

Sekatan pergerakan itu menyebabkan pelajar tahfiz tidak

dapat mengikuti pengajian dengan sempurna kerana pembelajaran secara maya mengundang pelbagai masalah.

Muhammad Hafiz berkata, pihaknya menghargai usaha kerajaan memberi bantuan *one off* RM500 untuk tahfiz dalam belanjawan tahun lalu dan peruntukan baik pulih pusat tahfiz, selain bantuan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebanyak RM200,000 tahun ini untuk lapan maahad paling terkesan.

Katanya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga ada membantu untuk bayaran sewa bangunan, bil utiliti sebanyak RM2 juta pada tahun lalu.

"Tahun ini tidak pasti lagi. Saya berharap ada bantuan dari Kerajaan Pusat untuk membantu guru tahfiz yang bergaji RM900 hingga RM1,200 sahaja. Guru-guru ini mengajar 70,000 pelajar di seluruh negara," ujarnya.



KERATAN AKHBAR
24 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor kesal, kecewa
Muka Surat	:	10

SIDANG DUN SELANGOR

Sultan Selangor kesal, kecewa

Adun banyak berpolitik dan berebut kuasa sehingga lupa tanggungjawab membela rakyat

Shah Alam

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj semalam bertitah mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selangor supaya tidak terlalu banyak berpolitik dan berebut kuasa serta kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama untuk membela nasib rakyat.

"Tidaklah Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa apabila pemimpin-pemimpin politik berebut kuasa dan keadaan politik menjadi tidak stabil maka, rakyat yang terpaksa menanggung kesusahannya.

"Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu belajar dari sejarah tentang kejatuhan sesebuah negara akibat perebutan kuasa yang mengakibatkan perpecahan dalam kalangan masyarakat,"titah baginda sambil menzahirkan rasa dukacita dan kesal melihat pergolakan, pertelagahan dan ketidaktentuan politik negara yang begitu ketara sejak kebela-kangan ini.

Baginda bertitah de-

mikian pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke-14 di Dewan Negeri Selangor di sini.

Sultan Selangor bertitah Adun sudah pastinya menyedari betapa rakyat ketika ini berada dalam keadaan susah dan menderita di kala negara sedang berhadapan wabak Covid-19 dan sepatutnya lebih prihatin ten-

tang masalah rakyat di kawasan masing-masing khususnya, dalam mengenal pasti bantuan yang perlu disalurkan kepada mereka yang terjejas.

Baginda bertitah wakil rakyat juga sepatutnya menyemak jumlah rakyat yang hilang pekerjaan dan mencari jalan untuk membantu golongan itu selain mendapatkan data individu yang kehilangan ibu bapa, tempat pergantungan dan berhadapan dengan masalah tekanan hidup.

Menurut baginda, hal ini penting agar perkara itu boleh dibawa ke pengetahuan kerajaan negeri untuk ditentukan bentuk bantuan yang boleh dihulurkan kepada rakyat.

"Bantulah mereka, carilah mereka, bukan sekadar mencari mereka untuk mendapatkan undi sewaktu pilihan raya semata-mata,"titah baginda.

Sultan Selangor juga mengingatkan Ahli Dewan bahawa mandat yang diberi oleh rakyat merupakan amanah daripada Allah yang perlu dilaksanakan dengan jujur, bertanggungjawab dan penuh keikhlasan.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **24 August 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Titah Sultan Selangor kepada SPRM
Muka Surat	:	10

Titah Sultan Selangor kepada SPRM

Shah Alam: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menitahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan menyeluruh terhadap laporan berkaitan rasuah membabitkan semua pihak bagi membersihkan negeri itu daripada amalan rasuah.

Baginda juga berharap agar pelaku rasuah dihidapkan ke mahkamah dan jika disabit kesalahan, perlu dihukum dengan hukum berat sebagai mesej penolakan rakyat terhadap gejala rasuah.

Sultan Sharafuddin yang turut menzahirkan rasa kesal

kerana masih ada penjawat awam dan pemimpin politik tidak jujur dalam melaksanakan amanah walaupun banyak kali diberi ingatan, bertitah bahawa baginda juga ada menerima laporan mengenai siasatan SPRM terhadap pemimpin politik berkaitan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

“Beta mengingatkan sekali lagi bahawa Beta tidak mahu mendengar sebarang laporan berkaitan pembabitkan mana-mana pegawai kerajaan dan pemimpin politik negeri Beta di dalam amalan rasuah ini.

“Perasuah tiada tempat dalam masyarakat dan perlu

kita perangai habis-habisan.” titah baginda pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Selangor ke-14 di sini, semalam.

Sultan Sharafuddin bertitah impian Selangor untuk menjadi negeri maju akan sukar dicapai andai kata ada pemimpin politik dan pegawai kerajaan berterusan mementingkan kuasa dan kedudukan serta menjadikan amalan rasuah sebagai budaya hidup dengan menyetepikan kepentingan rakyat dan tidak berusaha memajukan semula ekonomi negeri yang teruk terjejas akibat Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Dukacita lihat pertelagahan politik
Muka Surat	:	7

Sultan Sharafuddin ingatkan ADUN Selangor tidak terlalu berpolitik, berebut kuasa

Dukacita lihat pertelagahan politik



SULTAN SHARAFUDDIN

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memberi peringatan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk tidak terlalu banyak berpolitik serta berebut kuasa dan kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama untuk membela nasib rakyat.

Sultan Sharafuddin bertitah, baginda tidak dapat menyembunyikan rasa dukacita dan kegal apabila melihat pergolakan, pertelagahan dan ketidakketentuan politik negara.

"Nampaknya ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu belajar daripada sejarah tentang kejatuhan



sesebuah negara akibat perebutan kuasa yang mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat.

"Tidak kah ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa apabila pemimpin-pemimpin politik berebut kuasa dan keadaan politik menjadi tidak stabil, maka rakyat yang terpaksa menanggung kesusahannya," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keempat Persi-

dangan Dewan Negeri Selangor yang ke-14 semalam.

Sultan Sharafuddin turut bertitah, pemimpin-pemimpin politik perlu turun padang membantu rakyat yang berada di dalam kesusahan dan menderita di saat negara dan dunia berhadapan dengan gejala wabak Covid-19.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin bertitah, mandat diberikan sebagai wakil rakyat perlu dilaksanakan dengan jujur, bertanggungjawab dan penuh keikhlasan.

"Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, andai kata sikap segolongan pemimpin-pemimpin politik dan pegawai kerajaan di negeri ini berterusan memen-

tingkan kuasa dan kedudukan, menjadikan amalan rasuah sebagai budaya hidup, mengenyepikan kepentingan rakyat dan tidak berusaha memajukan semula ekonomi negeri yang teruk terjejas akibat Covid-19 ini.

"Beta bimbang pada usia Beta 75 tahun ini tidak sempat untuk melihat Selangor menjadi sebuah negeri yang maju dan pesat membangun dengan segala kemudahan yang menjamin kesejahteraan rakyat seperti yang kita semua idamkan," titah baginda.

Baginda turut menitahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh bagi member- sihkan Selangor daripada rasuah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Faizal, Hamzah, Azmin atau Mohd Redzuan calon TPM?
Muka Surat	:	5

SIAPA BAKAL TPM?

SIAPA yang bakal dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri masih menjadi teka-teki dalam kalangan rakyat. Namun begitu empat nama disebut-sebut untuk mengisi jawatan tersebut iaitu Timbalan Presiden Bersatu, Datuk Seri Ahmad Faizal

Azumu; Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof dan bekas Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.



5

AHMAD FAIZAL
HAMZAH
MOHD REDZUAN
MOHAMED AZMIN

Penganalisis politik senaraikan nama pemimpin yang mungkin dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri baharu

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM

Pemilihan pemimpin dalam kalangan pimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sebagai Timbalan Perdana Menteri dilihat langkah terbaik untuk menjamin keharmonian dalam kerajaan.

Penganalisis politik yang juga Felo Kanan Majlis Profesor Negara, Dr Jeniri Amir berkata, tiga nama daripada Bersatu yang dilihat layak dan berpotensi mengisi posisi itu ialah Timbalan Presiden, Datuk Seri Ahmad Faizal



JENIRI

Azumu, Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Seri Hamzah Zainuddin dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali termasuk Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof.

Menurutnya, kelayakan itu berdasarkan pengalaman politik

dan kekananan dalam parti serta prestasi dalam kerajaan.

"Walaupun jawatan itu tiada dalam perlembagaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka melantik salah seorang pemimpin kanan daripada Bersatu bagi menjamin keharmonian dalam perikatan itu.

"Saya berpandangan, salah seorang daripada mereka tetapi bergantung kepada Presiden (Tan Sri Muhyiddin Yassin).

"Sebelum ini, jawatan Perdana Menteri dipegang oleh Bersatu.

"Walaupun dalam tempoh singkat, UMNO kemudian menjadi timbalan.

"Itu adalah masa untuk UMNO membalas jasa dengan menyumbang kepada kedua-dua jawatan ini. Ia dapat menjamin keharmonian dalam perikatan berkenaan, selain memudahkan Perdana Menteri dalam urusan pentadbiran negara," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Jeniri berkata lagi, memang

Faizal, Hamzah, Azmin atau Mohd Redzuan calon TPM?



AHMAD FAIZAL



HAMZAH



MOHAMED AZMIN



MOHD REDZUAN

wajar dan menjadi hak Bersatu untuk menjawat jawatan beberapa justifikasi, antaranya Perdana Menteri sudah menjadi milik UMNO.

Selain itu katanya, Bersatu merupakan parti kedua terbesar dalam blok kerajaan menjadikan ia paling berhak menuntut jawatan berkenaan.

Apapun katanya, Timbalan Perdana Menteri yang dilantik perlu mudah untuk bekerjasama dengan Perdana Menteri, selain dapat menguatkan lagi kedudukan kerajaan dalam usaha melaksanakan tugas harian dan dasar yang diputuskan.

"Gandingan di antara PM dan TPM amat penting kerana mereka perlu serasi dan saling membantu dalam urusan dan keputusan besar.

"Hak melantik TPM di tangan Perdana Menteri. Dalam kerajaan Perikatan Nasional (PN) sebelum ini, tiada TPM dan dalam perlembagaan juga tiada, hanya lantikan politik.

"Disebabkan konvensi atau amalan sejak zaman dahulu lagi, boleh untuk kita meneruskan kesinambungan dan kepimpinan dalam kerajaan," katanya.

Katanya, Ismail Sabri juga harus mempertimbangkan

cadangan mewujudkan dua jawatan Timbalan Perdana Menteri dengan memilih salah seorang dalam kalangan pemimpin dari Sabah dan Sarawak.

"Jelasnya, dua nama yang harus dipertimbangkan ialah Ketua Whip Gabungan Parti Sarawak (GPS), Datuk Seri Fadillah Yusof dan Setiausaha Agung GPS, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

"Lagi baik kalau dapat wujudkan dua jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana kenapa tidak untuk ambil peranan dengan mengambil orang Borneo?"

"Ia sesuai dengan aspirasi asal pejuang kemerdekaan Malaysia," ujarnya.





KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan mahu Selangor bebas rasuah
Muka Surat	:	9

Sultan mahu Selangor bebas rasuah

SPRM dititah bersihkan negeri itu daripada korupsi

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menitahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh bagi membersihkan negeri itu daripada rasuah.

Sultan Selangor turut bertitah agar pelaku rasuah dapat dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan hukuman berat jika disabitkan bersalah bagi menyampaikan mesej penolakan rakyat terhadap gejala itu.

Baginda juga menzahirkan rasa ke-sal berikutan masih terdapat penjawat awam dan pemimpin politik yang tidak jujur dalam menjalankan amanah walaupun telah diberi ingatan sebelum ini.

"Beta mengingatkan sekali lagi bahawa beta tidak mahu mendengar sebarang laporan tentang penglibatan mana-mana pegawai kerajaan dan pemimpin politik negeri beta di dalam amalan rasuah ini," titah baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Negeri Selangor yang Ke-14 Tahun 2021 di sini pada Isnin.

Dalam perkembangan sama, Sultan Sharafuddin turut bertitah impian Selangor bagi menjadi negeri maju akan sukar dicapai sekiranya ada pemimpin politik dan pegawai kerajaan berterusan mementingkan kuasa serta kedudukan dengan menjadikan rasuah sebagai budaya hidup.

Titah baginda, tindakan ini akan menyebabkan pihak terlibat mengetepikan kepentingan rakyat dan tidak berusaha memajukan semula ekonomi negeri yang teruk terjejas akibat Covid-19.


"Beta bimbang, pada usia 75 tahun ini, beta tidak sempat untuk melihat Selangor menjadi sebuah negeri yang maju dan pesat membangun dengan segala kemudahan yang menjamin kesejahteraan rakyat seperti kita semua idam-

Beta mengingatkan sekali lagi bahawa beta tidak mahu mendengar sebarang laporan tentang penglibatan mana-mana pegawai kerajaan dan pemimpin politik negeri beta di dalam amalan rasuah ini."

kan," titah baginda.

Selain itu, baginda turut menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas pengorbanan dan komitmen semua petugas barisan hadapan dalam memberi rawatan kepada pesakit Covid-19.

"Beta sangat menghargai semangat mereka yang tidak pernah luntur dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat beta," titah baginda.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Nasihat tiga Sultan
Muka Surat	:	10

Nasihat tiga Sultan

Guru, kakitangan awam patut jadi contoh ambil vaksin

JOHOR BAHRU - Kakitangan awam termasuk golongan guru perlu memahami betapa pentingnya pengambilan vaksin untuk melindungi diri, keluarga dan masyarakat.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah, pengambilan vaksin penting dan perlu dipertingkatkan bagi mencapai sasaran memuti kelompok di negara ini. seterusnya berupaya membendung penularan jangkitan Covid-19.

"Guru-guru patut menjadi contoh dan melindungi anak-murid, bukannya membahay-



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR

kan mereka, apatah lagi sesi persekolahan akan dibuka tidak lama lagi. Saya dan ke-

luarga juga sudah lengkap mengambil dua dos vaksin. "Jangan mudah terpengaruh dengan golongan antivaksin sebagaimana saya tegaskan sebelum ini. Percayalah pakar perubatan kita yang bertauliah. Mereka yang menolak vaksin tanpa sebab yang sah seolah-olah merelakan diri dijangkiti," titah baginda yang dimuat naik di akaun Facebook rasmi pada Isnin.

Baginda bertitah demikian sebagai mengulas laporan seramai 779 guru di Johor menolak untuk menerima vaksin Covid-19.

"Saya berharap agar semua rakyat Johor dapat suntikan vaksin dengan segera supaya boleh kembali bekerja, berniaga dan menjalani kehidupan seperti biasa," titah baginda.

Pada Ahad, Exco Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya Johor, Mazlan Bujang berkata, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) akan membantu memberi penerangan kepada kumpulan guru terbit mengenai kebaikan vaksin supaya mereka sedia menerima suntikan.

Jangan rasa diri kebal lepas 2 dos vaksin - Sultan Selangor

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengingatkan rakyat negeri ini yang telah lengkap dua dos vaksin Covid-19 agar tidak mengabaikan kemudahan untuk mendapatkan suntikan vaksin mengikut norma baharu.

Baginda juga berharap agar seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor memainkan peranan menasihatkan rakyat negeri ini supaya mendapatkan suntikan vaksin masing-masing.

"Beta berharap rakyat beta memberi kerjasama sepenuhnya untuk mendapatkan vaksinas Covid-19 masing-masing seperti yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," titah baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Negeri Selangor yang Ke-14 Tahun 2021 pada Isnin.

Dalam perkenyataan sama, Sultan Sharafuddin bertitah menasihatkan kebimbangan berhubung penularan wabak Covid-19 di Selangor yang merekodkan jumlah pesakit dan kematian tertinggi di negara ini.

Baginda berpendapat, peningkatan jumlah pesakit dan kematian akibat Covid-19 adalah disebabkan kelalaian setiap pihak terhadap penguatkuasaan dan pematuhan SOP yang dikeluarkan KKM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Beta sedih apabila melihat kesusahan rakyat beta yang kematian ibu bapa tempat bergantung," titah baginda.

Selain itu, Sultan Sharafuddin bertitah, operasi kilang-kilang yang mana pihak majikan gagal menyediakan SOP ketat untuk pekerja yang datang bekerja menjadi antara faktor peningkatan kes di negeri ini.

Titah baginda, keadaan ini menjadi bertambah kritikal apabila ada dalam kalangan rakyat yang tidak mematuhi larangan merentas daerah dan negeri ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dengan pulang ke kampung sewaktu Aidilfitri dan Aidiladha lalu.

"Ini telah mengakibatkan wujudnya kluster-kluster baharu dan penularan wabak secara meluas ke seluruh negara."

"Lebih memburukkan lagi keadaan apabila terdapat pemimpin-pemimpin politik, golongan kenamaan dan selebriti memalahgunakan kedudukan dengan sewenang-wenangnya melanggar perintah dikeluarkan ketika PKPD berkuatkuasa menerusi aktiviti yang dilang KKM dan MKN," titah baginda.



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH SULTAN MUHAMMAD V

NASIHAT SULTAN

- Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah kakitangan awam termasuk golongan guru perlu memahami betapa pentingnya pengambilan vaksin untuk melindungi diri, keluarga serta masyarakat.
- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah individu yang telah melengkapkan suntikan dua dos vaksin Covid-19 agar tidak mengambil mudah dan berasakan diri mereka kebal daripada jangkitan wabak itu.
- Sultan Kelantan Sultan Muhammad V pula menasihatkan rasa dukacita terhadap mereka yang menyebarkan berita negatif di platform media sosial sehingga membahayakan usaha kerajaan mengawal penularan wabak Covid-19.

Henti sebar berita negatif bantut usaha kawal Covid-19

KOTA BHARU - Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dukacita terhadap perbuatan seseorang pihak yang menyebarkan berita-berita negatif sehingga membahayakan usaha kerajaan mengawal penularan Covid-19.

Perkara tersebut di-zahirkan baginda menerusi Titah Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kali ke-14 yang dibacakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob.

Baginda bertitah, gerakan tersebut perlu dihentikan kerana boleh mendatangkan banyak konflik sehingga menambatkan kesulitan dan kesusahan dalam kehidupan.

"Apa juga polemik dan konflik yang tercetus akan mengesakan penumpuan kepada penyelesaian masalah pandemik dan perkembangan ekonomi, sosial, keagamaan dan lain-lain."

"Pandemik Covid-19 yang melanda dunia dan negara kita masih berada dalam keadaan sangat membimbangkan. Beta mengambil kesempatan ini mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga yang kehilangan orang tersayang."

"Kepada rakyat beta yang terselamat daripada musibah Covid-19, beta menyeron agar bersyukur dan tingkatkan tahap kesabaran, terus istiqamah menghadapi ujian berganda yang sangat hebat ini. Semoga ALLAH segera membahaskan kita daripada fenomena Covid-19 ini," titah baginda.

Sultan Muhammad V juga menyifatkan suntikan vaksin Covid-19 adalah



SULTAN MUHAMMAD V

kaedah tepat dengan masa untuk langkah pencegahan bagi melindungi masyarakat daripada pandemik berkenaan.

Titah baginda, langkah segera kerajaan membelanjakan sebanyak RM33.52 juta pada tahun lalu dan RM18.77 juta pada tahun ini bagi membantu rakyat yang terjejas akibat penutupan aktiviti ekonomi sepanjang tempoh pandemik Covid-19 adalah tindakan tepat.

"Ia seperti sumbangan Pakej Rangsangan Ekonomi, Bantuan Keperluan Asas Setiap Dewan Undangan Negeri (DUN), Inisiatif Tunai Peniaga dan Peniaga Kecil, Bantuan Usahaawan Kelantan dan pelbagai lagi inisiatif yang telah memberikan manfaat secara terus kepada rakyat."

"Beta mengambil kesempatan ini juga untuk menasihatkan setinggi-tinggi pengharapan kepada semua petugas barisan hadapan dalam memberi perkhidmatan terbaik bagi memastikan wabak Covid-19 di negeri ini sentiasa dalam keadaan terkawal."

"Terima kasih juga kepada semua jabatan dan agensi negeri dan persekutuan serta pertubuhan bukan kerajaan yang menyalurkan bantuan bagi meringankan beban rakyat," titah baginda.

Dalam perkembangan lain, Sultan Muhammad V sukacita dengan usaha meningkatkan skala ekonomi negeri apabila kerajaan negeri telah menggerakkan aktiviti ke arah mewujudkan per-

bandaran dan wilayah berdaya saing.

Titah baginda, ia seperti Pembangunan Kawasaan Tok Bali, Bandar Baru Tunjong, Perkampungan Warisan, Agrodesa dan Tanah Tinggi Lojing.

Inisiatif kerajaan mengancam masalah trafik di Jambatan Sultan Yahya Petra dan Bandar Kota Bharu melalui pembinaan Jambatan Palekhang bukan sahaja menjadi penghubung antara Kota Bharu dan Tumpat, malah jambatan itu perlu mempunyai reka bentuk ikonik, menjadi mercu tanda kepada negeri yang dapat menjadi daya tarikan pelancong," titah Sultan Muhammad V lagi.

Baginda juga berharap projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Pengkalen Chepa juga dapat disiapkan seperti dijadualkan pada tahun 2024.

"Begitu juga projek infrastruktur lain seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (EKRL), Central Spine Road, Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, Projek Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB), Lembangan Sungai Kelantan dan Lembangan Sungai Golok Fasa Satu," titah baginda lagi.

Baginda juga menyarankan agar golongan belia menggunakan Teknologi Berasaskan Internet (IoT) untuk memajukan ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan baharu.

Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke-4 DUN Kelantan kali ke-14 pada Isnin berlangsung selama 30 minit bermula jam 9 pagi. Ia dihadiri seramai 44 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini. Persidangan disambung pada Selasa





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor masih jadi pilihan pelabur
Muka Surat	:	23



Selangor masih jadi pilihan pelabur

Sultan Sharafuddin zahir rasa syukur kerana Selangor memiliki kelebihan daya saing

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menzahirkan rasa bersyukur kerana negeri ini masih menjadi pilihan pelabur tempatan dan luar negara walaupun negara kini berdepan ancaman pandemik Covid-19.

Sultan Sharafuddin bertitah, Selangor menjadi pilihan berikutan kemudahan yang lengkap dan moden serta dasar-dasar kerajaan negeri yang memudah cara persekutaran perniagaan.

SIDANG DUN SELANGOR



Sultan Selangor berkenan bagi menyampaikan titah ucapan sewaktu Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Negeri Selangor yang Ke-14 Tahun 2021 pada Isnin.

“Sebanyak 324 projek perkilangan telah diluluskan oleh Malaysian Investment Development Authority (MIDA) di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM18.43 bilion.

“Dari jumlah ini, sebanyak RM6.95 Bilion atau 37.7 peratus adalah daripada pelaburan tempatan dan RM 1.48 bilion atau 62.3 peratus daripada pe-

laburan asing.” titah baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Negeri Selangor yang Ke-14 Tahun 2021 pada Isnin.

Titah baginda, walaupun negeri ini masih lagi menjadi tumpuan pelabur namun pelaksanaan kawalan pergerakan telah menyebabkan penutupan premis perniagaan dan mengakibatkan rakyat kehilangan sumber pekerjaan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 August 2021

Akhbar	:	Bernamea News Channel
Tajuk Berita	:	Pelan Dan Perancangan Tangani Pandemik Akan Dibahas
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 August 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Plan Dan Perancangan Menangani Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 August 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Low turnout expected among PJ night market traders
Muka Surat	:	1

Low turnout expected among PJ night market traders

By **SHEILA SRI PRIYA**
sheilasripriya@thestar.com.my

NIGHT and weekend market traders in Petaling Jaya are cautious over reopening even though it is now allowed.

Persatuan SS2 Pasar Malam secretary Lee Peng Chen said only 30% might resume operations this week.

"About 10% of our traders are waiting to be inoculated with their second dose.

"However, we predict a smaller crowd due to the high number of

daily cases.

"We need to ensure everything is in order, including obtaining information such as their digital certificate from traders.

"We are required to pledge that we will adhere to all the regulations set by the National Security Council (MKN)" he said.

Lee added that the SS2 night market used to have about 656 lots prior to the Covid-19 pandemic.

But now, he estimated, less than half would open over the coming weeks.

Jesmond Lee from Persatuan Pasar Malam SS3 also thinks that only 40% of traders would start operating this week.

"Rela personnel will continue to be present to advise the public to follow the rules such as scan their MySejahtera app, show their digital certificate, wear their mask and not eat at the night market," he said.

Jesmond hopes both traders and customers will follow the rules.

"We do not want a situation where people become lax just because they are vaccinated,"

he said.

Prior to the pandemic, the SS3 night market had about 300 stalls, but now Jesmond expects only 60 will be trading.

Vegetable sellers used to take up five lots but now they would be given a maximum of two.

"We are required to scale down the business to ensure there is enough spacing to enable better crowd control," he said.

A Petaling Jaya City Council (MBPJ) spokesperson from the licensing department said there

were about 28 night market and weekend market spots in the city. Only 17 have responded with the required feedback.

"We asked them to sign the 'Aku Janji' (pledge) form that they will follow all the MRN rules.

"This includes limiting the number of visitors and operating at half capacity.

"They can decide among themselves on how they will do this," said the spokesperson.

Children below 12 are not allowed into these markets.



KERATAN AKHBAR		
24 August 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	New Cabinet expected this week
Muka Surat	:	2

Cabinet of allies

The Cabinet will be formed this week, says Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. He confirms there will be no Opposition leaders in his team, but he will meet them to discuss ways to lift the country out of the Covid-19 crisis. > See report by IMRAN HILMY and ZAKIAH KOYA on page 2

New Cabinet expected this week

PM says will seek consent of the King before making an announcement

By **IMRAN HILMY**
 and **ZAKIAH KOYA**
 newsdesk@thestar.com.my

ALOR SETAR: The Cabinet line-up will be announced this week, but not before being presented to the King for consent, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The newly-minted Prime Minister said he would announce the line-up once Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah had consented to it.

"I have to present to the Yang di-Pertuan Agong first. Only after the King has consented to it then I'll make the announcement," he told a press conference at Masjid Jamek Badlishah in Yan, Kedah, yesterday.

The PM was on a visit to several disaster areas in Merbok and Yan. It was his first official visit following his swearing-in as the ninth Prime Minister last Saturday.

He also called on the public not to believe in a purported Cabinet list that had gone viral, saying it was fake.

Asked who would be his deputy, Ismail Sabri said he would consider all parties involved.

